

13/04/2003

Media tidak perlu bimbang luah pendirian: Syed Hamid

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR: Media Malaysia tidak perlu bimbang meluahkan pendirian mereka dalam isu pencerobohan Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq,

kerana ia sejajar dengan amalan demokrasi yang menjunjung kebebasan bersuara yang menjadi tonggak negara Barat selama ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata suara Malaysia dan mediana dalam isu itu bukan berseorangan, tapi ia turut dikongsi oleh majoriti dunia termasuk kuasa besar seperti Perancis, Jerman dan Russia.

"Kami hanya meluahkan apa yang kami anggap sebagai betul dan salah. Ia bukan bermakna ia anti-Amerika Syarikat, saya langsung tidak nampak alasan

mengapa ia patut dianggap sebagai anti-Amerika," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan mesyuarat agung Pergerakan Wanita dan Puteri Umno Bahagian Bukit Bintang, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas tindakan sebuah akhbar Amerika Syarikat

yang menamakan akhbar, The Malay Mail, sebagai antara akhbar berbahasa Inggeris tempatan yang paling lantang dan keras dalam liputan membabitkan

pencerobohan ke atas Iraq oleh tentera Bersekutu.

Dalam laporan The Malay Mail, antara kumpulan akhbar The New Straits Times Press (NSTP), semalam menyebut bahawa penulis dari The New York Times kelihatan membuat kesimpulan itu berasaskan kepada tajuk-tajuk akhbarannya.

Penulis berkenaan, Seth Mydans, dalam laporan yang difailkan di Bangkok

mengenai liputan isu pencerobohan ke atas Iraq oleh akhbar-akhbar di rantau ini, menyenaraikan The Malay Mail sebagai akhbar paling lantang.

"Saya rasa ini adalah perkara yang kami belajar secara langsung dari media Amerika sendiri," katanya.

Menjawab soalan lain, Syed Hamid berkata tidak timbul persoalan membabitkan pengiktirafan ke atas Iraq atau sama ada Malaysia akan mengiktiraf regim baru sekiranya ia berlaku kelak.

"Soal pengiktirafan terhadap regim baru Iraq sekiranya berlaku tidak pernah timbul, kerana ketika ini Iraq sudah tidak mempunyai kerajaan. Sekarang ini mereka tidak ada kerajaan, tetapi pengiktirafan untuk negara itu sendiri tidak pernah hilang," katanya.

Beliau bagaimana enggan mengulas mengenai kemungkinan akan menerima mana-mana rakyat Iraq yang mungkin memohon suaka politik darinya, sebaliknya menegaskan bahawa dasar luar menggariskan sebarang tindakan mesti sejajar dengan kepentingan negara,

"Kita tidak akan melakukan sesuatu yang bertentangan dan kita juga tidak

akan diarahkan atau menerima arahan daripada mana-mana negara atas kepentingan atau matlamat mana-mana negara.

"Kita mengambil tindakan berasaskan fakta dan keperluan yang bersesuaian

dan sejajar dengan kedudukan negara sebagai negara berdaulat dan

merdeka,"  
katanya

Sementara itu, ketika berucap Syed Hamid meminta rakyat negara ini supaya menghargai pesanan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya jangan sesekali mengizinkan anasir luar merosak dan menghancurkan keamanan dan keharmonian yang dikecap selama ini.

"Pesan Dr Mahathir kepada saya dan sering diluahkan pada seluruh rakyat, bahawa kekuatan yang ada pada kita adalah perpaduan dan keharmonian. Jangan kita izinkan mana-mana anasir asing merosak dan menghancurkan keamanan dan keharmonian.

"Kerana jika itu berlaku, kita bukan saja akan tunduk pada mereka dan cium tangan mereka, tapi mereka juga akan membunuh anak-anak kita,"  
katanya.